



**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PENUBUHAN AKAUN AMANAH KHAS KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA BAGI SUMBANGAN COVID-19**

30 MAC 2020

-
1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 23 Mac 2020 telah menubuhkan satu Akaun Amanah Khas bagi membolehkan syarikat, NGO dan rakyat Malaysia yang prihatin untuk menyalurkan sumbangan bagi kegunaan Barisan Hadapan Kementerian Kesihatan semasa berlakunya wabak Covid-19. Penubuhan Akaun Amanah Khas ini telah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia.
 2. Sumbangan yang diterima akan digunakan bagi tujuan membeli alat-alat kelengkapan perubatan seperti Ventilators, ubat-ubatan, reagen, bahan pakai buang serta keperluan-keperluan perubatan lain yang berkaitan di fasiliti KKM.
 3. KKM telah mendapat makluman bahawa terdapat beberapa tabung yang telah ditubuhkan oleh pihak lain untuk kutipan sumbangan Covid-19 dan di atas nama KKM atau telah diiktiraf oleh KKM. Oleh itu, KKM menafikan bahawa tabung-tabung yang diwujudkan tersebut telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Kesihatan. Selain itu, KKM juga tidak melantik sebarang pihak sebagai agen bagi mewakili Kementerian untuk melaksanakan kutipan sumbangan di bawah mana-mana tabung.
 4. Orang ramai dinasihati untuk merujuk kepada laman sosial rasmi KKM dan juga Bank Negara Malaysia bagi mendapatkan maklumat yang sah mengenai sumbangan ini. Sumbangan boleh disalurkan ke Akaun Amanah Khas KKM iaitu 2-66016-0002347-5 (RHB Bank) atas nama Sumbangan Perubatan KKM.
 5. Jika terdapat sebarang pertanyaan atau cubaan pemalsuan mengenai sumbangan ini sila hubungi 03-88833111 @ sumbangancovid19@moh.gov.my.

Sekian, terima kasih,

Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia